



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**GARIS PANDUAN
PENYELIDIK PASCA DOKTORAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
(PINDAAN 4)**

TAHUN 2025

Pusat Pengurusan Penyelidikan

Kompleks Penyelidikan, Jalan UMS,

88400 Kota Kinabalu

Tel: 088-320000 samb. 6138010 | Faks: 088-320127

KANDUNGAN

BAHAGIAN 1	MUKA SURAT
1.1 Latar belakang	2
1.2 Tujuan	2
1.3 Syarat kelayakan permohonan	2
1.4 Bidang tugas dan tanggungjawab Penyelidik Pasca Doktorat	3
1.5 Penetapan Gaji	6
1.6 Kemudahan	6
1.7 Kriteria kelayakan Penyelia	6
1.8 Penerbitan, Harta Intelek dan hasil pengkomersialan (Royalti)	7
1.9 Panduan umum	7
1.10 Keperluan Dokumen	8
BAHAGIAN 2	
2.1 Pelaksanaan projek penyelidikan dan petunjuk prestasi	9
BAHAGIAN 3	
3.1 Pemberitahuan keputusan dan Dokumen Perjanjian	10
3.2 Permohonan Permit / Visa Profesional	11
BAHAGIAN 4	
4.1 Tanggungjawab Penyelidik Pasca Doktorat	11
4.2 Pemberhentian oleh Penyelidik Pasca Doktorat	11
BAHAGIAN 5	
5.1 Kaedah lapor diri	12
BAHAGIAN 6	
6.1 Bidang tugas dan keahlian Jawatankuasa Pemilih dan Pemantau Penyelidik Pasca Doktorat	13

1.1 Latar Belakang

- a. Garis Panduan Penyelidik Pasca Doktor Pindaan 4 (Tahun 2025) ini bertujuan membantu Fakulti/Akademi/Pusat/Institut dalam mengemukakan permohonan bagi mendapatkan khidmat Penyelidik Pasca Doktor yang akan menjalankan penyelidikan sepenuh masa di Universiti Malaysia Sabah.
- b. Garis Panduan ini adalah penambahbaikan kepada Garis Panduan Pasca Doktor UMS yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sabah kali ke-49 pada 14 November 2011 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sabah kali ke-65 pada 17 Mac 2015 dan pindaan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Mesyuarat Penyelidikan dan Inovasi Bil.6/2023 (Kali -105) pada 21 Julai 2023.

1.2 Objektif

Objektif utama pelantikan Penyelidik Pasca Doktor adalah seperti berikut:

- a. Melonjakkan kecemerlangan penyelidikan universiti ke peringkat yang lebih tinggi.
- b. Memantapkan tujahan penyelidikan universiti menerusi pelantikan berterusan Penyelidik Pasca Doktor agar mampu menyumbang kepada peningkatan penyelidikan dalam bidang-bidang keutamaan negara.

1.3 Syarat kelayakan permohonan

- a. Terbuka kepada warganegara Malaysia yang memiliki Ijazah Doktor Falsafah (tidak melebihi tempoh 5 tahun selepas calon menamatkan pengajian Doktor Falsafah). Ijazah Doktor Falsafah hendaklah diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.
- b. Terbuka kepada warganegara asing yang memiliki Ijazah Doktor Falsafah (tidak melebihi tempoh 5 tahun selepas calon menamatkan pengajian Doktor Falsafah). Ijazah Doktor Falsafah hendaklah diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.

- c. Tempoh pelantikan adalah untuk dua (2) hingga tiga (3) tertakluk kepada prestasi Penyelidik Pasca Doktorat dan kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidik Pasca Doktorat. Tempoh pelantikan selepas tiga (3) adalah dibenarkan dengan menggunakan Dana Penyelidikan Luar serta menunjukkan kecemerlangan dalam prestasi mengikut KPI yang telah disasarkan selama dalam tempoh pelantikan.
- d. Pemohon telah telah menerbitkan artikel penyelidikan dalam jurnal yang diindeks dalam *Web of Science* atau *Scopus*. Syarat kelayakan adalah seperti berikut:

Gred	Bilangan Artikel	Kuartil Jurnal (Q1-Q3 sahaja)
PDUMS10	5 artikel (Bidang Sains dan Teknologi) 3 artikel (Bidang Sains Sosial)	Q1-Q3: Min. 2 artikel Q1-Q3: Min 1 artikel

- e. Kelulusan / pencapaian Kelulusan / pencapaian akademik hendaklah mempunyai kelulusan Ijazah Doktor Falsafah berasaskan hasil penyelidikan.
- f. Pemohon hendaklah memiliki pengetahuan dan pengalaman dalam bidang tujuhan yang perlu dibuktikan melalui rekod penerbitan.
- g. Pemohon mestilah mempunyai tahap kesihatan yang baik dan bebas daripada sebarang penyakit berjangkit dan penyakit kronik.

1.4 Bidang tugas dan tanggungjawab Penyelidik Pasca Doktorat

- a. Tugas dan tanggungjawab
 - i. Menjalankan penyelidikan secara sepenuh masa dalam projek yang ditetapkan oleh Fakulti/Akademi/Pusat/Institut.
 - ii. Memastikan petunjuk prestasi utama (KPI) wajib dan mana-mana dua (2) KPI pilihan dicapai dengan jayanya sepanjang tempoh pelantikan. Berikut adalah KPI yang ditetapkan:

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	SAINS DAN TEKNOLOGI	SAINS SOSIAL	KATEGORI KPI
Penerbitan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Tiga artikel Q1-Q3 (WoS/Scopus) 	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Dua artikel Q1-Q3 (WoS/Scopus) ➤ Satu artikel (MyCite) atau ➤ Satu laporan teknikal atau ➤ Satu kertas polisi atau ➤ Satu buku / bab dalam buku (Scopus) 	KPI wajib
Permohonan Dana Penyelidikan Luar	Menyediakan kertas kerja permohonan geran luar berserta bukti penghantaran kepada pendana luar. Peranan Penyelia adalah sebagai penyelidik utama dan Penyelidik Pasca Doktorat sebagai penyelidik bersama sepanjang tempoh lantikan.		KPI pilihan
Penyeliaan Pelajar Pascasiswazah	Membantu dalam penyeliaan pelajar pascasiswazah sepanjang tempoh lantikan. Penglibatan dalam aktiviti penyeliaan perlu diperakui oleh Penyelaras Pascasiswazah Fakulti / Akademi / Pusat / Institut masing-masing.		KPI pilihan
Jaringan dan Rangkaian Penyelidikan	Membantu meningkatkan jaringan / rangkaian penyelidikan dengan pihak luar sama ada dalam bentuk penerbitan bersama, penghasilan harta intelek bersama, penganjuran persidangan / seminar / kursus / bengkel bersama atau perjanjian (sama ada dalam bentuk Memorandum Perjanjian (MoA) / Memorandum Persefahaman (MoU) / Perjanjian Penyelidikan (RA) / Surat Perjanjian (LoA).		KPI pilihan
Inovasi dan Pengkomersialan	Membantu mempromosi, membangun dan mendaftar hasil dapatan kajian sebagai harta intelek dan menyertakan pembuktian pendaftaran harta intelek.		KPI pilihan

- b. KPI Penerbitan adalah bersifat akumulatif di mana jumlah penerbitan akan dikira secara keseluruhan dalam tempoh dua (2) tahun. Berikut adalah jadual sasaran KPI Penerbitan:

TEMPOH PEMANTAUAN	SASARAN
0 hingga 6 bulan	2 Penerbitan dalam penilaian (<i>Under Review</i>)
7 hingga 12 bulan	1 Penerbitan telah diterbitkan (<i>Published</i>) + 2 Penerbitan dalam penilaian (<i>Under Review</i>)
13 hingga 18 bulan	3 Penerbitan telah diterbitkan (<i>Published</i>) + 3 Penerbitan dalam penilaian (<i>Under Review</i>)
19 hingga 24 bulan	3 Penerbitan telah diterbitkan (<i>Published</i>)

- c. KPI yang dinyatakan dalam klausa 1.4 (a) dan 1.4 (b) tidak tertakluk kepada mana-mana Penyelidik Pasca Doktorat yang dilantik dengan pembayaran gaji menggunakan pembiayaan dana luar. KPI yang akan ditetapkan adalah tertakluk kepada keperluan KPI dan Garis Panduan dana penyelidikan luar serta mendapat persetujuan Penyelia kepada Penyelidik Pasca Doktorat.
- d. Penyelidik Pasca Doktorat tidak dibenarkan membuat apa-apa tugas di luar skop penyelidikan asal yang dipersetujui tanpa kelulusan Pusat Pengurusan Penyelidikan.
- e. Penyelidik Pasca Doktorat dikehendaki menyerahkan penemuan dan hasil penyelidikannya dalam tempoh enam (6) bulan bermula tarikh lantikan dengan mengisi Borang Penilaian Prestasi yang disediakan.
- f. Semua penerbitan Penyelidik Pasca Doktorat hendaklah berafiliasi dengan UMS dan diterbitkan bersama Penyelia. Hasil penyelidikan menjadi hak milik mutlak Universiti.
- g. Hak pemilikan harta intelek adalah milik mutlak UMS. Penyelidik digalakkan untuk mendaftar harta intelek berdasarkan Garis Panduan Harta Intelek UMS yang sedang berkuatkuasa.
- h. Hasil pengkomersialan perlu diagihkan berdasarkan dasar pengkomersialan UMS yang sedang berkuatkuasa.

1.5 Penetapan gaji

- a. Penyelidik Pasca Doktor akan menerima gaji sebanyak RM 5,000.00 sebulan sepanjang tempoh lantikan.

1.6 Kemudahan

- a. Kemudahan Perubatan – Untuk diri sendiri sahaja, sama ada di klinik panel Universiti Malaysia Sabah atau hospital kerajaan;
- b. Tuntutan pembiayaan kos visa dan permit kerja (untuk diri sendiri sahaja);
- c. Urusan Imigresen oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia;
- d. Kemudahan cuti sebanyak 25 hari setahun;
- e. Kemudahan fasiliti pejabat atau makmal oleh akan disediakan oleh Fakulti / Akademi / Pusat / Institut;
- f. Kad pekerja
- g. Kemudahan fasiliti perpustakaan

* Lain-lain kemudahan dan tuntutan yang tidak dinyatakan adalah tidak disediakan oleh pihak universiti.

1.7 Kriteria kelayakan Penyelia

- a. Berjawatan Profesor Madya dan ke atas.
- b. Merupakan Ketua Projek (*Principal Investigator*) geran penyelidikan luar yang masih aktif dengan jumlah dana seperti berikut:
 - i. RM100,000 dan ke atas – Bidang Sains dan Teknologi
 - ii. RM30,000 dan ke atas – Bidang Sains Sosial
- c. Mempunyai sekurang-kurangnya seorang pelajar Ijazah Doktor Falsafah yang telah bergraduasi dengan peranan sebagai penyelia utama.
- d. Mempunyai pelajar Ijazah Sarjana (mod penyelidikan) atau Ijazah Doktor Falsafah (mod penyelidikan) yang masih aktif semasa tempoh pelantikan Penyelidik Pasca Doktor;

- e. Telah menerbitkan minimum 10 artikel penyelidikan dalam jurnal yang diindeks oleh *Web of Science* atau *Scopus* bagi tempoh lima tahun ke belakang. Penyelia hendaklah berperanan sebagai *corresponding author* atau first author dalam sekurang-kurangnya 40% daripada artikel penyelidikan yang dilaporkan.

1.8 Penerbitan, Harta Intelek dan Hasil Pengkomersialan (Royalti).

- a. Penerbitan.
Semua hasil penerbitan Penyelidik Pasca Doktorat hendaklah dimasukkan nama Universiti sebagai penggabungan (*affiliation*) dan diterbitkan bersama Penyelia. Hasil penyelidikan adalah menjadi hak mutlak Universiti.
- b. Harta Intelek.
Hak pemilikan Harta Intelek adalah hak milik UMS. Penyelidik digalakkan untuk memohon pendaftaran Harta Intelek sama ada di peringkat tempatan atau antarabangsa. Garis Panduan Harta Intelek di UMS adalah diguna pakai. Namun begitu segala perbelanjaan bagi perlindungan Harta Intelek adalah di bawah tanggungjawab UMS.
- c. Hasil Pengkomersialan (Royalti).
Hasil pengkomersialan perlulah diagihkan mengikut Polisi Pengkomersialan sedia ada di UMS. Rujuk Pusat Pengurusan Inovasi dan Pengkomersialan Univeristi Malaysia Sabah berhubung dengan perkara ini.

1.9 Panduan umum.

- a. Permohonan dibuka sepanjang tahun berdasarkan takwim sedia ada dan tertakluk kepada peruntukan kewangan pada tahun semasa.
- b. Borang-borang berkaitan Penyelidik Pasca Doktorat boleh dimuat turun di laman web Pusat Pengurusan Penyelidikan (www.ums.edu.my/ppp).
- c. Permohonan hendaklah disahkan dan diluluskan oleh Dekan atau Pengarah Fakulti/Akademi/Pusat/Institut sebelum dikemukakan kepada Urusetia di Pusat Pengurusan Penyelidikan.

- d. Surat Tawaran Pelantikan, Borang Perjanjian dan Syarat-syarat Perkhidmatan akan dikeluarkan oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar Universiti Malaysia Sabah kepada pemohon yang berjaya.
- e. Penyelidik Pasca Doktorat yang menerima tawaran pelantikan perlu memberi jawapan Setuju Terima Tawaran dalam tempoh dua puluh satu (21) hari dari tarikh Surat Tawaran dikeluarkan.
- f. Bagi tujuan pelantikan semula Penyelidik Pasca Doktorat hendaklah mengisi dan melengkapkan Borang Permohonan Pelantikan Semula Penyelidik Pasca Doktorat (UMS/PPP/PD/BR2) dan hendaklah dimajukan kepada Sekretariat Penyelidik Pasca Doktorat Pusat Pengurusan Penyelidikan **tiga (3) bulan** sebelum tarikh lantikan tamat.
- g. Pihak Pusat Pengurusan Penyelidikan berhak meminta dokumen / laporan tambahan berkaitan prestasi sepanjang perkhidmatan di Universiti Malaysia Sabah.

1.10 Keperluan dokumen.

Senarai dokumen yang wajib disediakan semasa mengemukakan permohonan adalah seperti berikut:

- a. Salinan Kad Pengenalan yang telah disahkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia bagi warganegara Malaysia.
- b. Salinan muka surat utama pasport yang telah disahkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia bagi bukan warganegara;
- c. *Curriculum vitae* pemohon terkini yang lengkap dengan maklumat seperti berikut;
 - i. Senarai artikel penerbitan
 - ii. Pengalaman berkerja / penyelidikan
 - iii. Anugerah-anugerah yang berkaitan

- d. Kertas cadangan penyelidikan untuk tempoh dua tahun berdasarkan format seperti berikut;
 - i. Pengenalan
 - ii. Sorotan literatur
 - iii. Permasalahan kajian
 - iv. Objektif dan hipotesis kajian
 - v. Metodologi kajian
 - vi. Jangkamasa kajian
 - vii. Sumbangan hasil kajian
- e. Dua keping gambar berwarna bersaiz pasport yang terkini;
- f. Salinan siji-sijil akademik (Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / Ijazah Doktor Falsafah / Surat Kelulusan Senat) yang telah disahkan oleh universiti atau mana-mana Pegawai Kerajaan dari kalangan Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

BAHAGIAN 2

2.1 Pelaksanaan projek penyelidikan.

- a. Penyelidik Pasca Doktorat yang telah dilantik hendaklah menjalankan penyelidikan berdasarkan kertas cadangan penyelidikan dalam tempoh masa yang dipersetujui.
- b. Penyelidik Pasca Doktorat hendaklah sentiasa bersedia dengan sesi pemantauan KPI yang diadakan secara berkala oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan.
- c. Penyelidik Pasca Doktorat hendaklah mengemukakan laporan penuh pencapaian KPI tiga (3) bulan sebelum tamat kontrak perkhidmatan.
- d. Laporan penuh pencapaian KPI akan digunakan untuk mempertimbangkan permohonan pelantikan semula.

- e. Sekiranya gagal mencapai KPI yang ditetapkan, Universiti mempunyai hak untuk tidak menyambung perkhidmatan Penyelidik Pasca Doktorat.
- f. Segala data penyelidikan adalah hak milik mutlak Universiti, dan wajib dikembalikan selepas tamat tempoh perkhidmatan sebagai Penyelidik Pasca Doktorat.

BAHAGIAN 3

3.1 Pemberitahuan keputusan dan Dokumen Perjanjian

- a. Keputusan permohonan lantikan Penyelidik Pasca Doktorat akan dimaklumkan kepada calon dan penyelia melalui Dekan / Pengarah Fakulti/Akademi/Pusat/Institut yang berkenaan. Satu salinan surat tawaran dan perjanjian akan dimajukan kepada Penyelia Projek, Pejabat Dekan / Pengarah Fakulti/Akademi/Pusat/Institut, Jabatan Bendahari dan Pusat Pengurusan Penyelidikan.
- b. Penyelidik Pasca Doktorat diminta memahami dan bersetuju dengan syarat yang telah dinyatakan dalam surat tawaran dan Kontrak Perjanjian dengan memberikan sesalinan Borang Persetujuan Penerimaan dan hendaklah dikembalikan ke Pusat Pengurusan Penyelidikan untuk tindakan selanjutnya.
- c. Pembayaran imbuhan / gaji akan dibuat oleh Jabatan Bendahari Universiti Malaysia Sabah pada setiap bulan bekerja berdasarkan surat arahan bayaran yang dikeluarkan oleh Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar.
- d. Pembayaran imbuhan / gaji akan diberhentikan apabila khidmat Penyelidik Pasca Doktorat ditamatkan atau tempoh perkhidmatannya telah berakhir.
- e. Kemudahan lain tertakluk kepada persetujuan dan kelulusan oleh pihak pengurusan Fakulti/Akademi/Pusat/Institut termasuk imbuhan dan kemudahan lain yang berkaitan seperti pengangkutan dan perjalanan boleh dipertimbangkan untuk diberi kepada Penyelidik Pasca Doktorat sebagai insentif tambahan dari

Fakulti/Pusat/Institut/Akademi sendiri walaupun perkara ini tidak dimasukkan di dalam butiran peruntukan. Geran projek penyelidikan penyelia boleh juga digunakan untuk menampung keperluan kos dan kemudahan penyelidikan yang diperlukan untuk Penyelidik Pasca Doktorat mengikut garis panduan sedia ada.

3.2 Permohonan permit / Visa profesional

- a. Permohonan permit / visa profesional akan dibantu oleh Bahagian Sumber Manusia Jabatan Pendaftar dengan mengemukakan dokumen-dokumen berkaitan bagi urusan yang berkenaan

BAHAGIAN 4

4.1 Tanggungjawab Penyelidik Pasca Doktorat

Berikut adalah tanggungjawab Penyelidik Pasca Doktorat berhubung dengan pelantikannya:

- a. Memaklumkan kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar dengan mengembalikan Surat Penerimaan Lantikan dalam tempoh dua puluh satu (21) hari.
- b. Menandatangani Kontrak Perjanjian Perkhidmatan dengan mematuhi butir-butir peraturan dan perjanjian yang ditandatangani di antara Penyelidik Pasca Doktorat dengan pihak universiti.
- c. Memastikan mempunyai Visa dan Permit Kerja sebelum melaporkan diri untuk mula bertugas di Universiti Malaysia Sabah (warga asing sahaja).
- d. Sebarang kemudahan tuntutan yang tidak dinyatakan dalam Garis Panduan dan Kontrak Perjanjian adalah tidak dibenarkan mengemukakan apa-apa tuntutan / bayaran kepada pihak universiti selain bayaran yang dipersetujui dalam surat tawaran pelantikan

4.2 Pemberhentian oleh Penyelidik Pasca Doktorat

- a. Penyelidik Pasca Doktorat hendaklah memberi **satu (1) bulan** notis pemberitahuan berhenti kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar dan sesalinan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan melalui Penyelia dan Dekan/Pengarah Fakulti/Akademi/Pusat/Institut **atau** membayar **satu (1) bulan** imbuhan.

BAHAGIAN 5

5.1 Kaedah lapor diri

- a. Keperluan dokumen untuk permohonan Visa
 - i. Surat Tawaran;
 - ii. Surat Akuan Penerimaan Tawaran Pekerjaan;
 - iii. Kontrak Perjanjian (dua salinan) yang telah ditandatangani dan telah dimatikan setem;
 - iv. Pasport yang mempunyai tempoh sah laku sekurang-kurangnya setahun.
- b. Keperluan dokumen untuk lapor diri di Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar.
 - i. Pasport yang telah mendapat pelekat visa profesional;
 - ii. Kontrak Perjanjian (dua salinan) yang telah ditandatangani dan telah dimatikan setem;
 - iii. Laporan Pemeriksaan Kesihatan;
 - iv. Borang Akuan Kerahsiaan dan Borang Akuan Sumpah yang telah ditandatangani oleh Pesuruhjaya Sumpah;
 - v. Borang Kredit Saraan;
 - vi. Penyata KWSP dan Cukai Pendapatan (jika berkenaan); dan
 - vii. *Guidelines for Reporting Duty for New Appointee/Officer* yang telah dilengkapkan.
- c. Keperluan dokumen untuk lapor diri di Fakulti/Akademi/Pusat/Institut
 - i. Pasport yang telah mendapat pelekat visa profesional;
 - ii. Borang Aku Janji (perlu dilengkapkan dihadapan Ketua Jabatan dan satu (1) dikembalikan kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia)

6.1 Bidang tugas dan keahlian Jawatankuasa Pemilih dan Pemantau Penyelidik Pasca Doktorat

- a. Bidang tugas Jawatankuasa
 - i. Mengesahkan kelayakan calon dari segi kepakaran penyelidikan;
 - ii. Keperluan kepakaran calon serta sumbangan kepada tujuan penyelidikan Universiti;
 - iii. Menentukan kategori bayaran emolumen Penyelidik Pasca Doktorat.

- b. **Keahlian Jawatankuasa.**
 - i. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) sebagai Pengerusi
 - ii. Pendaftar Universiti Malaysia Sabah atau Wakil
 - iii. Bendahari Universiti Malaysia Sabah atau Wakil
 - iv. Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan
 - v. Pengerusi Kluster Penyelidikan yang berkaitan atau Wakil
 - vi. Dekan Fakulti / Akademi, Pengarah Institut